



MD. FAUZI
AHMAD

MALAYSIA dijangka menghadapi keadaan ekonomi global yang mencabar pada 2025.

Pertumbuhan KDNK negara diunjurkan antara 4.5 hingga 5.5 peratus. Ekonomi Malaysia berkembang 4.9 peratus bagi 2024 dan diunjurkan 4.7 peratus pada 2025.

Ketidakstabilan geopolitik di Eropah dan Timur Tengah serta ketegangan perdagangan global terus memberi kesan kepada ekonomi negara.

Inflasi yang stabil dan dasar monetari yang baik telah membantu negara, tetapi risiko ketidakstabilan ekonomi masih tinggi disebabkan pelbagai faktor.

Malaysia juga perlu meningkatkan daya saing dalam sektor bernilai tinggi seperti elektronik untuk mengekalkan kedudukan globalnya. Belanjawan 2025 memperuntukkan RM421 bilion untuk menangani cabaran ini, dengan fokus kepada pembangunan mampan dan keadilan sosial.


Data terkini Jabatan Perangkaan menunjukkan eksport negara menyumbang sebanyak 61.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2024. Eksport elektronik dan elektrik (E&E) terus menjadi penyumbang utama, merangkumi hampir 40 peratus daripada keseluruhan eksport.

Namun, keberuntungan kepada China dan Amerika Syarikat sebagai rakan dagangan utama masih mencetuskan risiko ketidaktentuan akibat konflik perdagangan.

Perubahan landskap ekonomi dunia Malaysia perlu bersiap sedia dengan lebih dinamik untuk menghadapi cabaran ekonomi global pada 2025. Perubahan landskap ekonomi global yang semakin kompleks, ketidaktentuan politik antarabangsa, dan perkembangan teknologi yang pesat memerlukan pendekatan yang lebih tangkas dan strategik.

Malaysia perlu memperkukuh asas ekonominya, menyesuaikan diri dengan perubahan, dan memperkenalkan langkah inovatif untuk kekal relevan di pentas dunia.

Antara cabaran utama yang dihadapi oleh ekonomi global pada masa kini ialah inflasi yang tinggi, ketidaktentuan kadar faedah, dan gangguan rantai bekalan. Malaysia perlu bersedia



PERUBAHAN landskap ekonomi global yang semakin kompleks, ketidaktentuan politik antarabangsa, dan perkembangan teknologi yang pesat memerlukan pendekatan yang lebih tangkas dan strategik.

Tangani cabaran ekonomi global 2025

untuk menangani impak

Perangkaan menunjukkan eksport negara menyumbang sebanyak 61.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2024. Eksport elektronik dan elektrik (E&E) terus menjadi penyumbang utama, merangkumi hampir 40 peratus daripada keseluruhan eksport.

Namun, keberuntungan kepada China dan Amerika Syarikat sebagai rakan dagangan utama masih mencetuskan risiko ketidaktentuan akibat konflik perdagangan.

Perubahan landskap ekonomi dunia Malaysia perlu bersiap sedia dengan lebih dinamik untuk menghadapi cabaran ekonomi global pada 2025. Perubahan landskap ekonomi global yang semakin kompleks, ketidaktentuan politik antarabangsa, dan perkembangan teknologi yang pesat memerlukan pendekatan yang lebih tangkas dan strategik.

Malaysia perlu memperkukuh asas ekonominya, menyesuaikan diri dengan perubahan, dan memperkenalkan langkah inovatif untuk kekal relevan di pentas dunia.

Antara cabaran utama yang dihadapi oleh ekonomi global pada masa kini ialah inflasi yang tinggi, ketidaktentuan kadar faedah, dan gangguan rantai bekalan. Malaysia perlu bersedia

peningkatan kemahiran tenaga kerja adalah elemen penting untuk memastikan negara bersedia untuk menghadapi era digital..

Penekanan kepada teknologi kecerdasan buatan (AI), data raya, dan automasi industri boleh membantu Malaysia meningkatkan produktiviti dan daya saing.

Namun, peningkatan teknologi juga membawa cabaran dalam bentuk gangguan kepada tenaga kerja tradisional. Banyak pekerjaan konvensional mungkin akan digantikan oleh automasi, dan ini boleh membawa kepada peningkatan pengangguran jika tidak ditangani dengan baik. Oleh itu, Malaysia perlu mengutamakan program latihan semula dan peningkatan kemahiran bagi membolihkan tenaga kerja menyesuaikan diri dengan keperluan pasaran kerja baharu.

Pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) harus ditingkatkan dan usaha untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat perlu menjadi agenda nasional.

PERUBAHAN IKLIM
Pengenalan dasar yang mesra alam seperti pengurangan pelepasan karbon, penggunaan tenaga boleh diperbaharui, dan pemeliharaan biodiversiti adalah langkah penting. Di samping itu, menggalakkan

sektor swasta untuk

mengamalkan prinsip Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) dalam operasi mereka boleh membantu Malaysia memenuhi tuntutan global untuk pembangunan yang bertanggungjawab.

Malaysia juga perlu menggalakkan budaya inovasi dan menyokong pembangunan ekosistem syarikat pemula yang dinamik. Insentif untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam sektor teknologi tinggi boleh menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi yang penting. Sektor ini bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tetapi juga mencipta peluang pekerjaan berkuatiti tinggi untuk rakyat Malaysia.

KEPERCAYAAN PELABUR
Tadbir urus yang cekap, dasar fiskal yang berhemat, dan pengurusan hutang yang bijak adalah elemen penting dalam memastikan kestabilan ekonomi jangka panjang. Kepercayaan pelabur terhadap ekonomi Malaysia bergantung kepada kestabilan politik dan kepayaan kerajaan untuk melaksanakan dasar yang konsisten dan berkesan.

Oleh itu, usaha untuk meningkatkan ketelusan, mengurangkan ketrusan dan memperkukuh institusi harus diberi keutamaan.

KETIDAKSAMAMAAN EKONOMI

Program-program bantuan sosial, peningkatan akses kepada pendidikan berkualiti, dan langkah untuk mengurangkan jurang pendapatan adalah penting bagi memastikan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan keadilan sosial.

Sebagai sebuah negara yang bergantung kepada eksport, Malaysia perlu memastikan bahawa ia dapat bertindak balas dengan pantas terhadap perubahan dalam permintaan pasaran global. Pelaburan dalam infrastruktur logistik, seperti pelabuhan dan sistem pengangkutan, adalah penting untuk memastikan bahawa produk Malaysia dapat sampai ke pasaran antarabangsa dengan cekap. Teknologi seperti rantai blok juga boleh digunakan untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan dalam rantai bekalan.

Peningkatan taraf hidup rakyat juga harus menjadi fokus utama dalam menghadapi cabaran ekonomi. Akses kepada perumahan mampu milik, pertukaran kesihatan berkualiti, dan pendidikan yang inklusif adalah elemen penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat.

Kerajaan perlu memastikan bahawa setiap dasar yang dilaksanakan memberi impak positif kepada kehidupan rakyat, terutamanya golongan yang terpinggir.

Akhir sekali, Malaysia perlu mengukuhkan kedudukan geopolitiknya di rantau Asia Tenggara. Sebagai sebuah negara yang terletak di tengah-tengah laluan perdagangan global, Malaysia mempunyai kelebihan strategik yang baik. Kerjasama dengan negara-negara jiran melalui ASEAN perlu diperkukuh untuk memastikan kestabilan dan kemakmuran serantau.

Cabaran ekonomi dunia pada 2025 memerlukan Malaysia untuk lebih dinamik dan bersedia dengan pelbagai strategi yang inovatif.

Pendekatan holistik melibatkan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat adalah kunci kepada kejayaan negara. Dengan komitmen yang kukuh dan langkah-langkah yang berkesan, Malaysia boleh mengatasi cabaran ini dan terus maju sebagai sebuah negara yang berdaya saing dan makmur.

PROFESOR Madya Dr. Md Fauzi Ahmad ialah Pesyarah dan Penyelidik Kanan Pengurusan Teknologi Pengeluaran di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perancangan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

TEKNOLOGI INDUSTRI 4.0

Pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta